

02 MAY 1999

Abdullah - Muhammad

JAWATAN MAT TAIB DALAM UMNO DITENTUKAN ESOK

LUMUT, 2 Mei (Bernama) -- Jawatan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Mohamad Taib dalam Umno akan ditentukan oleh mesyuarat Majlis Tertinggi yang akan diadakan esok, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Katanya, jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno telahpun memproses surat permohonan yang dikemukakan oleh Muhammad dan dokumen-dokumen dan laporan yang diperlukan untuk dibentangkan pada mesyuarat MT esok, yang akan dipengerusikan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain kes Muhammad, jawatankuasa itu juga akan mengemukakan kes-kes lain yang membabitkan anggota parti itu dan semua keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa itu untuk diputuskan oleh MT, katanya kepada pemberita selepas menutup mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Lumut di Dewan Daerah Manjung di Seri Manjung dekat sini hari ini.

Apabila ditanya mengenai peluang Muhammad mendapatkan kembali jawatannya sebagai Naib Presiden parti, Abdullah berkata: " Saya tidak mahu "speculate" tentang peluang dia (Muhammad Taib)... biar saya beri pandangan dalam MT."

"Tak usah saya beri pandangan yang mendahului perbincangan MT," katanya.

Abdullah, yang juga Naib Presiden Umno dan kini menjalankan kerja-kerja Timbalan Presiden parti berkata Muhammad, setelah bebas daripada segala tuduhan pihak pendakwaraya pada bulan lepas, telahpun memaklukkannya kepada Abdullah, dan turut menghantar surat kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti.

"Kita pun telah terima dan memahami bahawa kes Muhammad perlu diputuskan oleh MT sendiri kerana kes ini melibatkan jawatan beliau sebagai Naib Presiden parti."

Muhammad, 53, meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor pada bulan April 1997, dan selepas itu dibenarkan bercuti daripada menjalankan tanggungjawabnya sebagai Naib Presiden Umno oleh MT berikutan kes-kes mahkamah yang perlu dihadapinya.

Ini berikutan penahanannya di Lapangan Terbang Brisbane, Australia pada akhir tahun 1996 kerana kegagalannya mengisytiharkan wang tunai sejumlah RM2.7 juta. Pada bulan Mei tahun lepas, mahkamah di bandaraya itu mengisytiharkan Muhammad bebas daripada segala tuduhan.

Pada 10 April lepas, Peguam Negara memutuskan untuk tidak membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan Muhammad, berikutan kegagalan beliau mengisytiharkan harta milik beliau dan keluarganya.

Sementara itu, mengenai lawatannya ke seluruh negara, Abdullah berkata beliau mendapati semangat anggota Umno tinggi untuk kestabilan parti, walaupun menghadapi banyak masalah.

Amat penting adanya kesedaran ini di kalangan anggota parti dan beliau mengakui masih banyak kerja yang perlu dilakukan supaya keberkesanan parti dapat ditingkatkan, katanya.

Abdullah berkata anggota Umno telah bekerja sepanjang masa tanpa mengira sama ada pilihan raya semakin dekat atau tidak, dan bukan seperti parti-parti politik yang baru muncul.

Umno sentiasa berkhidmat supaya rakyat maju, dan sentiasa menjalankan pelbagai program tanpa mengikut musim, katanya.

Bukan seperti parti pembangkang, yang hanya muncul ataupun bergiat aktif menjelang pilihan raya sahaja, katanya.

-- BERNAMA.  
MR RI